

12 OCT 1998

JANGAN HANYA FIKIRKAN BONUS, KATA KSN

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Kakitangan kerajaan tidak harus terlalu memikirkan soal bonus tetapi sebaliknya menumpukan perhatian untuk membantu kerajaan memulihkan ekonomi negara, kata Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali hari ini.

"Saya tidak tahu (sama ada bonus akan diberikan atau tidak). Dalam keadaan ekonomi yang gawat ini, tidak ada siapa yang fikirkan mengenai bonus," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kursus khas pengurusan krisis untuk pegawai kerajaan di sini.

Katanya beliau juga tidak mengetahui sama ada soal bonus akan disentuh oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila Belanjawan 1999 dibentangkan pada 23 Okt ini.

Abdul Halim berkata jika ekonomi dapat dipulihkan dengan cepat, besar kemungkinan bonus dapat diberikan seperti tahun-tahun yang lepas.

"Apabila ekonomi sudah pulih barulah kita boleh sentuh soal bonus," katanya.

Kali pertama kerajaan membayar bonus ialah pada 1993 apabila 850,000 kakitangan awam mendapat setengah bulan gaji atau minimum RM400 diikuti dengan sebulan gaji atau RM600 minimum pada tahun 1994 dan 1995 manakala pada tahun 1996 ialah sebulan gaji atau minimum RM700 bagi kumpulan terendah.

Tahun lepas kerajaan mengumumkan bayaran bonus sebulan gaji atau bayaran minimum RM700 yang dibuat dalam dua ansuran iaitu yang pertama sebanyak RM500 dibayar pada Disember lepas dan bakinya pada April lepas.

-- BERNAMA

HJ MAI